Thus this participation, to achieve its dreams of producing healthy, active, disciplined, committed and competitive JUPEM staffs will be realized, JUPEM's management has always encouraged thier staff to participate in the outdoor activities.



BAHAGIAN PEMETAAN

MAPPING DIVISION

Bahagian Pemetaan adalah bertanggungjawab dalam menerbitkan peta serta mewujudkan dan menyelenggara Pangkalan Data Topografi dan Kartografi Kebangsaan. Disamping itu, Bahagian ini juga menjalankan kerja-kerja penentuan, penandaan dan pengukuran sempadan antarabangsa (darat/maritim) dan sempadan antara negeri.


Aktiviti ini bermula dengan kerja-kerja pengumpulan data topografi dan geodesi yang tepat dan jitu untuk dijadikan sumber asas kepada proses penerbitan peta pelbagai skala. Sebelum sesuatu lembar peta dapat diterbitkan sama ada dalam bentuk berdigit atau bercetak, ia terlebih dahulu melalui beberapa peringkat kerja termasuk pengumpulan, pemprosesan data dan juga percetakan. Peta yang telah disiapkan akan memaparkan butiran sebenar di atas muka bumi. Dengan demikian, sempadan darat atau maritim yang sahih dapat membantu menyelesaikan pelbagai masalah negara contohnya keselamatan selain dapat melicinkan urusan pembangunan tanah serta penguatkuasaan terhadap undang-undang negara.

Pangkalan Data Topografi dan Kartografi Kebangsaan yang diwujudkan boleh menyalurkan data-data kepada pelbagai media seperti cakera padat dan pita data bagi keperluan pengguna. Melalui kaedah ini jabatan dan agensi-agensi kerajaan serta pihak swasta telah dapat menggunakan kemudahan yang disediakan oleh JUPEM bagi membangunkan Sistem Maklumat Geografi (GIS) dan Sistem Maklumat Tanah (LIS). JUPEM sentiasa mengkaji dalam meningkatkan keupayaan dengan membangunkan beberapa sistem baru bagi menghasilkan produk baru seperti Imej Berdigit, Peta Ortofoto, Peta Elektronik serta data topografi dan geodetik berdigit yang memenuhi kehendak pengguna untuk kerja-kerja penyelidikan saintifik/geodinamik dan lain-lain.

The Mapping Division is responsible for publishing and printing maps as well as establishing the National Cartography and Topography Database. Beside that, this Division also responsible to determining and demarcation of international survey boundaries (land and maritime) and boundary between the states.

This activities started with the collection of topography and geodesy data in precise and details for the basic sources for map publication processing in various scales. Before a sheet of map is published in digital printed or form, it goes through several processes including data collection, data processing and printing. The completed map will display the actual ground details. Therefore, the accurate land and maritime boundary could assist to resolving issues of national security besides it could smoothen the land development matters and the enforcement of national laws.

The existing National Cartography and Topography Database could channel the data into many form of media such as compact disc and data tapes for the convenience of the users. By this way, the department and government agencies with the private sector could accessed the facilities provided by JUPEM to develop Geography Information System (GIS) and Land Information System(LIS). JUPEM is to frequently researching and improving the capabilities by development of new system to produce new products such as the digital imagery, orthophoto maps, electronics maps and digital topography and geodetic data to fulfill the needs of the users for scientific/geodynamic research works and others.



SEMPADAN ANTARABANGSA MALAYSIA-THAILAND

MALAYSIA-THAILAND INTERNATIONAL BOUNDARY

Penandaan dan pengukuran sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand dijalankan secara bersama dengan Royal Thai Survey Department- RTSD. Perancangan yang telah dibuat bagi penandaan dan pengukuran sempadan tetap dan kekal di sepanjang Sungai Golok yang melibatkan jarak sepanjang lebih kurang 95 km pada tahun 2004 adalah seperti berikut:

The survey and demarcation of the Malaysia-Thailand international boundary runs with the co-operation of Royal Thai Survey Department (RTSD). Plannings that have been done to demarcation and survey of a fix and permanent boundary along Sungai Golok involving a distance of 95 km on year 2004 are as follows:

AKTIVITI ACTIVITY	PENCAPAIAN PROGRESS
Penandaan dan Pengukuran Sempadan Tetap dan Kekal antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Sungai Golok Kawasan Keutamaan VIII C (Rantau Panjang - Kg. Bukit Lata) Seksyen 1 dan 2 <i>Demarcation and survey of the fix and permanent between Malaysia and Thailand along Sungai Golok Priority Area VIII C (Rantau Panjang - Kg. Bukit Lata) Section 1 and 2</i>	14.0 km (100%) 14.0 km (100%)
Penandaan dan Pengukuran Sempadan Tetap dan kekal antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Sungai Golok Kawasan Keutamaan VIII C (Kg. Bukit Lata - Kg. Kuala Jambu) Seksyen 3 dan 4 <i>Demarcation and survey of the fix and permanent between Malaysia and Thailand along Sungai Golok Priority Area VIII C (Kg. Bukit Lata - Kg. Kuala Jambu) Section 3 and 4</i>	12.5 km (100%) 12.5 km (100%)
Penandaan dan Pengukuran Sempadan Tetap dan Kekal di sepanjang Sungai Golok Kawasan Keutamaan VIII B (Bukit Kuang - Kubang Segu) Seksyen 1 dan 2 <i>Demarcation and survey of the fix and permanent between Malaysia and Thailand along Sungai Golok Priority Area VIII B. (Bukit Kuang - Kubang Segu) Section 1 and 2</i>	10.1 km (56%) 10.1 km (56%)
Ukuran Penyelenggaraan Seksyen C (BP 17D/13 - BP 18B) Kawasan Keutamaan III (BP 16 - BP 27) <i>Maintenance Survey for Section C (BP 17D/13 - BP 18B) Priority Area III (BP 16 - BP 27)</i>	5.0 km (100%) 5.0 km (100%)
Ukuran Penyelenggaraan Seksyen D (BP 18B - BP 20A) Kawasan Keutamaan III (BP 16 - BP 27) <i>Maintenance Survey for Section D (BP 18B - BP 20A) Priority Area III (BP 16 - BP 27)</i>	5.1 km (100%) 5.1 km (100%)

Penandaan dan pengukuran sempadan darat Malaysia-Thailand sepanjang 551.5 km telah dimulakan pada 6 Julai 1973 dan siap pada 26 September 1985.

The demarcation and surveying of the Malaysia-Thailand Land Boundary with a distance of 551.5 km began on 6th of July 1973 and was completed on 26th September 1985.



SEMPADAN ANTARABANGSA MALAYSIA-INDONESIA

MALAYSIA-INDONESIA INTERNATIONAL BOUNDARY

Pengukuran penyelenggaraan sempadan antarabangsa Malaysia-Indonesia telah dimulakan pada Februari 2004 dan pencapaian bagi tahun 2004 adalah 29.3 km di kawasan keutamaan IV (I-J) dari 1480-1617 yang mana pengukuran telah siap dijalankan pada April 2004.


Selaras dengan keputusan Mesyuarat ke-28 Jawatankuasa Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama Malaysia-Indonesia yang telah diadakan di Jakarta, Indonesia pada 24-26 Oktober 2002, persetujuan telah dicapai di mana ukuran penyelenggaraan bagi kawasan Keutamaan II (B-C) dari tanda sempadan B 300-B 1000 yang masing-masing meliputi jarak sejauh 33.3 km perlu dijalankan pada tahun 2003.

Susulan Mesyuarat ke-31, Pengarah-Pengarah Projek Bersama Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia (Sabah) dan Indonesia (Kalimatan Timur) telah bersetuju supaya kawasan keutamaan yang sama dijalankan bagi Musim Ukur Tahun 2004. Kerja-kerja Ukuran Penyelenggaraan telah bermula pada awal Mei 2004 dan siap pada penghujung Ogos 2004.

The survey and demarcation of Malaysia-Indonesia International Boundary started on February 2004 and the progress for the year 2004 is 29.3 km in the priority area IV (I-J) from 1480-1617 in which the survey has been completed on April 2004.

With the agreement on 28th Meeting of the Committee for Demarcation and Surveying Joint Boundary Malaysia-Indonesia that was held at Jakarta, Indonesia on 24-26th of October 2002, the survey maintenance for Priority Area II (B-C) from B 300- B 1000 mark respectively covers the distance of 33.3 km has to done for the year 2003.

The follow up of the 31st Meeting, the Directors of The Jointly Projects International Demarcation and Surveying Malaysia (Sabah) and Indonesia (East Kalimantan) had agreed that equivalent priority area should be maintained for the Seasonal Survey Year 2004. The Maintenance Survey works has began early May 2004 and completed late in August 2004.



SEMPADAN ANTARABANGSA MALAYSIA - INDONESIA
MALAYSIA-INDONESIA INTERNATIONAL BOUNDARY

Aktiviti <i>Activity</i>	Topografi Sarawak <i>Topography Sarawak</i>	Topografi Sabah <i>Topography Sabah</i>	Jumlah <i>Total</i>
Ukuran Penyelenggaraan <i>Maintenance Survey</i>	29.3 km <i>29.3 km</i>	33.3 km <i>33.3 km</i>	62.6 km <i>62.6 km</i>

SEMPADAN ANTARA NEGERI-NEGERI *STATES BOUNDARY*

Perancangan bagi tahun 2004 adalah bagi menjalankan penandaan dan pengukuran ke atas sempadan antara negeri-negeri Pahang-Selangor di sektor Titik Pertemuan Sempadan Negeri-negeri Perak, Pahang dan Selangor melalui stesen penyegitigaan Pine Tree Hill hingga ke Lot 609 Mukim Ulu Selangor meliputi jarak sejauh 19.0 km.

Lanjutan daripada itu, kerja-kerja penandaan dan pengukuran di sempadan negeri-negeri Pahang-Selangor telah dimulakan pada 23 November 2004. Ianya dijalankan secara bersama diantara JUPEM Pahang dan Selangor. Pasukan ukur telah keluar dari kawasan kerja ukur sempadan negeri tersebut pada 27 Disember 2004. Sehingga 31 Disember 2004 sempadan negeri sejauh 13.94 km telah ditanda dan diukur.

The planning for year 2004 is to execute the demarcation and survey on the Pahang-Selangor states boundary at the Crossed-Point Boundary States of Perak, Pahang and Selangor by Pine Tree Hill triangulation station to Lot 609 Mukim Ulu Selangor that covers 19.0km of distance.

To extent the works, the demarcation and survey of the boundary of Pahang-Selangor states began on 23rd November 2004. The works ran jointly between JUPEM Pahang and Selangor. The survey team went out from the survey area of the state boundary on 27th December 2004. Till 31st December 2004, 13.94 km of state boundary distance has been marked and surveyed.

Kerja - kerja pengukuran sempadan antara negeri sedang dijalankan



UKURAN MEJA UKUR PENGHABISAN

FIELD COMPLETION PLANE TABLE SURVEY

Ukuran Meja Ukur Penghabisan dilakukan bertujuan untuk mengemaskini maklumat topografi pada sesebuah lembar peta. Ianya adalah di antara proses dalam penyediaan dan penerbitan peta asas topografi pelbagai skala. Pada tahun 2004, tumpuan utama pelaksanaan kerja ini dikhususkan kepada penyediaan Peta Topografi Siri L 7030, L 905, L 808, L 738 dan T 931 bagi kawasan-kawasan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Field Completion Plane Table Survey is carried out to update and verify the topography information on the map sheets. This is one of the processes involved in producing topography maps of various scales. In the year 2004, the primary focus was on preparation of Topography Maps Series L 7030, L 905, L 808, L 738 and T 931 for areas in Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

UKURAN MEJA UKUR PENGHABISAN FIELD COMPLETION PLANE TABLE SURVEY			
Siri Series	Semenanjung Peninsular	Sarawak	Sabah
L 7030	-	-	-
L 905	7	-	-
L 808	20	-	-
L 738	-	48	33
T 931	-	-	18
JUMLAH / TOTAL	27	48	51

SISTEM PENENTUDUDUKAN SEJAGAT


GLOBAL POSITIONING SYSTEM (GPS)

Aktiviti pengukuran GPS yang dilaksanakan pada tahun 2004 adalah tertumpu kepada cerapan di atas Tanda Aras (BM) bagi memantapkan lagi *gravimetric* yang sedia ada. Sejumlah 110 stesen telah dicerap meliputi beberapa kawasan di Semenanjung Malaysia.

JUPEM juga melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pengoperasian bagi 36 set data bulanan daripada 18 stesen Malaysia Active GPS System - MASS di seluruh negara yang dilaksanakan dua kali setahun. Di samping itu, sejumlah 10,585 set data harian dan 5,256 set data mingguan/tahunan yang diperolehi dari 18 stesen MASS dan 11 stesen IGS dari seluruh negara yang beroperasi 24 jam telah diproses.

The Global Positioning System (GPS) survey activity has been performed on 2004 was centered on Bench Mark observation to strengthen the existing gravimetric. A total of 110 stations were observed encompassed several area in Peninsular Malaysia.

JUPEM also carried out maintenance and operational works for 36 sets of monthly data form 18 Malaysia Active GPS System - MASS stations in the entire country twice a year. In additional, 10,585 set of daily data and 5,256 weekly/yearly data sets were obtained from 18 MASS stations and 11 IGS stations from the entire country that operated 24 hours have been processed.



UKURAN TITIK KAWAL

CONTROL POINT SURVEY

Pengukuran Titik Kawal Bumi merupakan kerja-kerja asas dalam aktiviti pemetaan. Pelaksanaannya adalah untuk membantu mendapatkan maklumat koordinat planimetri dan ketinggian untuk tujuan jaringan kawalan. Ia dilaksanakan mengikut kawasan keutamaan dan kesesuaian dalam proses pemetaan.

Pada awal tahun 2004, kerja-kerja penyudahan padang dijalankan menggunakan pelotan outsource. 80 stesen telah ditetapkan sebagai sasaran kerja tahunan (SKT) tahun 2004, sehingga 31 Disember 2004, pencapaian aktiviti ini dari segi bilangan stesen adalah seperti berikut :

Terrestrial Ground Control Survey is the basic and early works for mapping activities. It is implemented in established and essential areas to assist in acquiring the planimetric coordinate and altitude information for control purposes. It is done according to the area of priority and suitability in mapping process.

Early 2004, the field completion works has been done using outsource drafting. 80 stations have been determined as a 2004 annual jobs target, untill 31st December 2004, in which the achievements of the activities based on the stations count are as follows:

UKURAN TITIK KAWAL CONTROL POINT SURVEY	
LEMBAR SHEET	STESEN STATION
T 738 Lembar/Sheet 6723	14
T 738 Lembar/Sheet 7123	7
T 738 Lembar/Sheet 7218	9
T 738 Lembar/Sheet 7219	8
T 738 Lembar/Sheet 720	12
T 738 Lembar/Sheet 7221	8
T 931 SW 1m. Bandar/Town Kuching	16
T 738 Lembar/Sheet 6613	9
T 738 Lembar/Sheet 6614	6
JUMLAH / TOTAL	89 (111%)



CERAPAN AIR PASANG SURUT

TIDAL OBSERVATION

Cerapan Air Pasang Surut dilakukan adalah untuk mendapatkan nilai aras purata laut. Ketika ini terdapat 20 buah stesen cerapan air pasang surut yang beroperasi di seluruh negara iaitu 12 buah di Semenanjung, 6 buah di Sabah dan 2 buah di Sarawak.

Bagi tahun 2004, sebanyak 24 set data cerapan telah ditetapkan bagi stesen-stesen cerapan Air Pasang Surut di Bintulu dan Kuching, Sarawak dan 72 set data cerapan di Labuan, Kota Kinabalu, Kudat, Sandakan, Lahad Datu dan Tawau, Sabah. Manakala 144 set data cerapan di Semenanjung Malaysia.

Tidal observation is carried out to gauge the mean sea level. Presently, there are 20 operational observation stations throughout the whole country which 12 stations are in Peninsular, 6 stations in Sabah and 2 stations in Sarawak.

In 2004, there were 24 set of observed data has been determined at Bintulu and Kuching, Sarawak Tidal Observation stations, and 72 set of observed data in Labuan, Kota Kinabalu, Kudat, Sandakan, Lahad Datu and Tawau, Sabah. Whereas, 144 set of observed data obtained at Peninsular Malaysia.




Stesen Tolok Air Pasang Surut di Malaysia

Pencapaian aktiviti ini bagi tahun 2004 dan SKT 2005 adalah seperti berikut :

The achievement for year 2004 and 2005 Annual Jobs Target (SKT) are as follows:

CERAPAN AIR PASANG SURUT TIDAL OBSERVATION		
Kawasan Area	Bil. Stesen No. of Station	Data Cerapan(set) Observed Data (sets)
Semenanjung Peninsular	12	144 (100%)
Sarawak	2	24 (100%)
Sabah	6	72 (100%)
Jumlah/Total	20	240



Penyediaan Buku Jadual Ramalan Air Pasang Surut adalah sasaran yang ditetapkan tahun 2004 bagi menerbitkan satu set Buku Jadual Ramalan Air Pasang Surut. Setakat 31 Disember 2004, Buku Jadual Ramalan Air Pasang Surut 2006 telah diterbitkan seperti berikut:

Preparation of Tidal Schedule Prediction Book was a target for year 2004 to published a set of Tidal Schedule Prediction Book. Untill 31st December 2004, the Tidal Schedule Prediction Book 2006 was published as follows:

Buku Jadual Ramalan Air Pasang Surut <i>Tidal Schedule Prediction Book</i>	
1 Set Buku <i>1 Set of Book</i>	1 (100%)

Manakala setakat 31 Disember 2004 pula, Penyediaan Buku Rekod Cerapan Air Pasang Surut 2003 telah diterbitkan seperti berikut:

Whereas till 31st December 2004, the Preparation of Tidal Observation Record Book 2003 has been published as follows:

Buku Rekod Cerapan Air Pasang Surut <i>Tidal Observation Record Book</i>	
1 Set Buku <i>1 Set of Book</i>	1 (100%)

Data-data yang diperolehi daripada aktiviti cerapan ini diproses dan didokumenkan sebagai terbitan tahunan JUPEM berkaitan dengan air pasang surut iaitu Rekod Cerapan Air Pasang Surut 2004 dan Jadual Ramalan Air Pasang Surut 2005. Buku Rekod Cerapan dan Jadual Ramalan ini adalah untuk edaran kepada agensi-agensi tempatan dan luar negara yang memerlukan.

The data collected from this activity are processed, documented and published in a JUPEM's journals regarding the tidal, namely Tidal Observation Record 2004 and Tidal Schedule Prediction 2005. Tidal Record Book and Tidal Schedule Prediction are available to local and international agencies

PENGUKURAN ARAS

LEVELLING SURVEY

Aktiviti ini juga adalah sebahagian daripada Projek Datum Tegak Geodesi Kebangsaan (DTGK). Ianya dibahagikan kepada dua iaitu Ukuran Aras Jitu dan Ukuran Aras Kelas Kedua. Pengukuran aras ini dilakukan bagi mendapatkan nilai aras purata laut pada tanda aras yang menghubungkan stesen-stesen cerapan air pasang surut. Pengukuran dilakukan dengan menggunakan alat aras automatik berdigit.

Pada tahun 2004, prosesan data ukuran aras jitu berjumlah 700 BM di laluan-laluan yang telah dikenal pasti telah disempurnakan. Setakat 31 Disember 2004, proses ukuran yang telah selesai adalah seperti berikut:


This activity is a part of National Geodetic Vertical Datum (NGVD) Project. It is divided into two classes namely, Precise Levelling Survey and Second Class Levelling. The Precise Levelling Survey is carried out to gauge the mean sea level on benchmarks which connect it to the tidal observation stations. The height determinations are carried out by using automatic digital level.

In year 2004, there were 700 BM precise levelling survey data at the identified route has been processed. Until 31st December 2004, the completed survey processes are as follows:

PROSESAN DATA UKURAN JITU / <i>PRECISE LEVELLING SURVEY PROCESSES</i>					
Aktiviti <i>Activity</i>	Topografi/ <i>Topography</i> Semenanjung	Topografi <i>Topography</i> Sarawak	Topografi <i>Topography</i> Sabah	Geodesi <i>Geodesy</i>	Jumlah <i>Total</i>
Kerja luar <i>Fieldwork</i>	917	-	224	-	1141
Prosesan <i>Data Processing</i>	i. Kuala Lumpur - Temerloh (116 BM)			739	739 BM (106%)
	ii. Jeli - Tanah Merah - Pasir Mas - Kota Bharu (100 BM)				
	iii. Bentung - Teranum - Benta - Jerantut - Temerloh (212 BM)				
	iv. Serting - Keratong (76 BM)				
	v. Keliling Langkawi (75 BM)				
	vi. Seremban - Pedas dan Air Keroh (68 BM)				
	vii. Muadzam - Keratong - Segamat (92 BM)				

Ukuran Aras Kelas Kedua dijalankan bertujuan untuk menambah kepadatan tanda aras di sesuatu kawasan dalam menyediakan kemudahan rujukan ketinggian bagi kegunaan projek pembangunan yang dilaksanakan di kawasan sekitar.

The Second Class Levelling is carried out to increase the density of vertical control in a designated areas. They provide vertical reference for the development projects near the surrounding areas.



Setakat 31 Disember 2004, laluan-laluan yang telah disiapkan adalah seperti berikut:
Until 31st December 2004, the completed routes are as follows:

UKURAN DAN PROSESAN DATA ARAS KELAS DUA SECOND CLASS LEVELLING SURVEY AND DATA PROCESSING					
Aktiviti <i>Activity</i>	Topografi Semenanjung	Topografi Sarawak	Topografi Sabah	Geodesi	Jumlah Stesen <i>Total of Station</i>
Kerja luar <i>Fieldwork</i>	809	173	309	-	1291
Prosesan <i>Data Processing</i>	i. Seremban - Labuan - Nilai - Pajam - Mantin Nilai - Salak - Sepang - Seremban - Lukut & sekitarnya <i>/surrounding</i> (117BM)			762	762 BM (109%)
	ii. K. Klawang - Titi/Kg. Air Baniang/Pertang - Batu Kikir - Juasseh Air Hitam - Batu Kikir - Bahau (113 BM)				
	iii. Kg. Jenderam - Salak Tinggi - Telok Datok - Banting - Sg. Buaya Jugra - Kanchong Darat (87 BM)				
	iv. Taiping - Changkat Jering - K. Kangsar - Kg. Sg. Tuntong (87 BM)				
	v. Kg. Mulong - Ketereh - Pulau Chondong/Kg. Kemubu - Selising				
	vi. Bukit Kepong - Pagoh - Parit Sulong/Pagoh - Bukit Pasir - Muar/ Kg. Durian Chondong - Gerisik - Sg. Mati Muar (136 BM)				
	vii. Marang - Ajil - Kuala Terengganu (165 BM)				

PENGUKURAN GRAVITI

GRAVITY SURVEY

Pengukuran graviti adalah sebahagian daripada Projek Datum Tegak Geodesi Kebangsaan (National Geodetic Vertical Datum - NGVD). Aktiviti ini bertujuan untuk mendapatkan nilai pembetulan ortometrik di semua stesen cerapan ukuran aras dan stesen Cerapan Air Pasang Surut bagi memperoleh nilai ketinggian sebenar. Nilai-nilai ini boleh dijadikan sebagai datum ketinggian kepada kerja-kerja ukur dan pemetaan, penyelidikan serta kajian saintifik. Ukuran Graviti yang dijalankan terbahagi kepada tiga tertib berasaskan kepada kejituan ukuran berkenaan iaitu tertib pertama, kedua dan ketiga.

Dalam tahun 2004, tumpuan diberikan kepada ukuran graviti tertib kedua. Sebanyak 84 stesen di beberapa lokasi di Semenanjung telah dicerap dan diproses seperti berikut:

The gravity survey is a part of National Geodetic Vertical Datum (NGVD) Project. This activity is to calculate orthometric corrections and apply them to the height values of tidal observation stations and benchmarks. These data will then can be considered as height datum for works on surveying, mapping, research and scientific studies. The gravity survey is divided into three orders based on precision survey, namely First Order, Second Order and Third Order.

In year 2004, focus was on Second Order Gravity Survey. A total of 84 stations in several locations in Peninsular Malaysia were observed and processed as follows:

UKURAN GRAVITI GRAVITY SURVEY	
Tempat/ <i>Location</i>	Stesen/ <i>Total of Station</i>
Pulau Langkawi	30
Pulau Pinang	24
Johor	30
JUMLAH/TOTAL	84

ASTRONOMI

ASTRONOMY

Di dalam bidang astronomi di negara kita, JUPEM telah memainkan peranannya dalam penyediaan Kalendar Islam, penentuan Arah Kiblat dan juga cerapan hilal. Selain dari peralatan, kakitangan JUPEM juga mempunyai kepakaran dalam membuat perkiraan di samping menyediakan tempat untuk cerapan hilal.

In this country, JUPEM plays the role in astronomy field of providing the Islamic Calendar, determination of Kiblat Direction and also hilal observation. Besides from providing the equipment, JUPEM staffs also have the expertise in computing as well as preparing the place for hilal observation.




Dalam tahun 2004, penyediaan data-data cerapan astronomi ke atas 28 stesen cerapan bagi penentuan awal bulan Ramadan, Syawal dan Zulhijah tahun Hijrah 1425 telah dicapai sepenuhnya seperti berikut:

In year 2004, the astronomy observation data is prepared upon 28 observation stations to determine the beginning month of Ramadan, Syawal and Zulhijah for the year 1425 Hijrah is as follows:

PENGIRAAN ASTRONOMI RUKYAH DAN HILAL ASTRONOMY CALCULATION OF RUKYAH AND HILAL	
Aktiviti/Activity	Pencapaian/Achievement
28 Stesen/ <i>Station</i>	28 (100%)

Sejak tahun 1977, JUPEM telah menganggotai Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Negeri-Negeri. Kakitangan JUPEM bersama dengan pegawai dari Majlis Hal Ehwal Islam Negeri akan menjalankan cerapan hilal di lokasi-lokasi yang telah ditetapkan.

Since 1977, JUPEM is represented in the National Council for Islamic Affairs in the various states. JUPEM staffs together with officers from the State Islamic Affairs Council undertake the hilal observation at the pre-decided locations.



PENYEDIAAN PETA

MAP PRODUCTION

Penggambaran udara merupakan aktiviti awalan yang digunakan dalam penyediaan peta pada pelbagai skala. Aktiviti ini dilaksanakan mengikut kawasan keutamaan dan permohonan dari pelbagai agensi. Ianya melibatkan beberapa misi penerbangan dengan menggunakan khidmat pesawat TUDM dan pesawat swasta yang disewa secara kontrak. JUPEM menggunakan foto udara berwarna secara meluas khususnya dalam projek khas bagi memudahkan pengguna mengecam butiran di atas muka bumi. Namun pada tahun 2004, misi fotografi udara yang dilaksanakan menghadapi masalah dari segi cuaca khususnya di Sabah dan Sarawak. Sebagai langkah alternatif, JUPEM telah menggunakan citraan SPOT5 yang diperolehi daripada MACRES yang melibatkan 16 lembar Siri T 738. Aktiviti penyediaan peta ini dijalankan melalui Sistem Pemetaan Berkomputer (*Computer Assisted Mapping System, CAMS*).

Pelbagai kaedah seperti pengimbasan, pendigitan stereo dan penyuntingan data-data pemetaan telah digunakan dalam mewujudkan Pangkalan Data Topografi dan Kartografi Kebangsaan serta Pangkalan Data Peta Bandar. Peta asas topografi pelbagai skala disediakan dalam versi terhad dan tidak terhad meliputi Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan, Sabah dan Sarawak.

Sementara itu, Sistem Pemetaan Laju (FMS) yang menggunakan data-data citraan daripada satelit serta Pangkalan Data Topografi dan Kartografi Kebangsaan telah menghasilkan pelbagai produk pemetaan di antaranya peta ortofoto, ortoimej, mozek, model ketinggian berdigit di samping produk lain yang berasaskan imej raster khususnya untuk keperluan pihak tentera.

JUPEM menggunakan Pangkalan Data Topografi dan Kartografi yang sedia ada dalam Sistem Pemetaan Tematik Berdigit (*Digital Thematic Mapping System DTMS*) dan Sistem Maklumat Atlas Kebangsaan (*National Atlas Information System*) (NAIS) dalam mempelbagaikan pengeluaran peta tematik disamping produk lain dalam bentuk digital dan multimedia ianya dikenali sebagai peta elektronik atau e-Map. Pengeluarannya dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bagi seluruh negara. Selain menerbitkan pelbagai jenis peta dan data digital, JUPEM juga mereka bentuk, memproses dan mencetak pelbagai dokumen termasuk watak, dokumen keselamatan dan sebagainya sebagaimana yang diperlukan oleh lain-lain Jabatan/Agensi Kerajaan.

Aerial photography is the early activity in preparing the map in various scale. This activity is done according to the priority areas and on the request from various agencies. Aerial Photography involves the services of RMAF and private planes are rent on contract basis and used involves series of flight missions. JUPEM utilize the coloured arial photography in special project as it helps in identifying ground details. However in year 2004, the aerial photography missions facing problems especially in predicting the weather in particular at Sabah and Sarawak. For alternative way, JUPEM started to use SPOT5 obtained from MACRES that involves 16 sheets of series T 738. The map preparation activities is done by using the Computer Assisted Mapping System (CAMS).

Several techniques such as scanning, stereo digitizing and map data editing were used in establishing the National Cartography and Topography Database as well as Town Map Database. The basic topography maps in various scales are produced in restricted version and non-restricted version that encompass Peninsular Malaysia, Federal Territory of Labuan, Sabah and Sarawak.

Meanwhile, Fast Mapping System (FMS) which utilize data from the National Cartography and Topography Database coupled with satellite imageries to produce specialized orthophoto map, orthoimageries, mosaic, digital terrain model (DTM) and products based on raster imagery specifically for military usage.


The existing Topographic and Cartographic Database is also used by JUPEM in Digital Thematic Mapping System (DTMS) and National Atlas Information System (NAIS) to produce a wide range of thematic maps and digital multimedia products and this is known as electronics map or e-Map. These products are produced on a demand-and-supply basis throughout the country. A part from publishing maps and digital data, JUPEM also capable in designing, processing and printing various document including decree, security documents and other products as requested by other Department/ Government Agencies.

In addition, a new technique called Computer Aided Photo Flight Management and Planning System is being used together with GPS technology which enables to provide coordinates station for photo exposure and principal points starting from planning,


Di samping itu, teknik baru yang dikenali sebagai 'Computer Aided Photo Flight Management and Planning System' telah digunakan bersama dengan technology GPS yang dapat memberikan nilai koordinat stesen dedahan dan titik utama dalam kerja-kerja penggambaran udara bermula dari perancangan dan pemaliman penerbangan sehingga ke peringkat kerja-kerja penyegitigaan udara di pejabat. Penggunaan kaedah ini dapat mengurangkan bilangan titik kawal bumi yang perlu diukur di lapangan seterusnya mengurangkan kos operasi kerja luar.



flight navigating through to the aerial triangulation stages. The system reduces the requirement on the number of control points needed in the field, thus reducing the field survey operations cost.



KEMAJUAN BERASASKAN GAMBAR UDARA <i>AERIAL PHOTOGRAPHY PROGRESS</i>	
Aktiviti / <i>Activities</i>	Lembar / <i>Sheets</i>
Penyediaan Foto Udara <i>Production of Aerial Photographs</i>	102 (102%)
Penyediaan Cetak Lepak <i>Production of Contact Prints</i>	102 (102%)
Pemilihan Titik Kawal <i>Selected of Control Point</i>	104 (104%)
Penyediaan Peta Ortofoto <i>Production of Orthophoto Map</i>	30 (100%)
Penyediaan Plot Penyudahan Padang <i>Production of Fieldwork Completed Plot</i>	32 (107%)
Penyediaan Data DEM bagi lembar siri L 808 <i>Production of DEM Data for serial sheet L 808</i>	35 (350%)
Penyediaan Data Mozek <i>Production of Mosaic Data</i>	10 (100%)
Penyediaan Data Ortorektifikasi SPOT 5 <i>Production of Orthorectification Data SPOT 5</i>	16 (100%)
Penjanaan Kontur daripada Data Radarsat 1 bagi Pemetaan menggunakan Citraan Satelit SPOT 5 <i>Generating Contour from Radarsat 1 Data for Mapping using Satellite Data Image SPOT 5</i>	16 (100%)
Penyediaan Data untuk Tentara (BSSP, TUDM dan CPP) <i>Production Data for Army (BSSP, RMAF and CPP)</i>	69 (12%)





KEMAJUAN PENYEDIAAN BAHAN CETAK BERDIGIT
DIGITAL PRINT PRODUCTION PROGRESS

Siri/ <i>Series</i>	Skala/ <i>Scales</i>	Jumlah Lembar/ <i>Total of Sheet</i>
L 7030	1 : 50 000	-
T 738	1 : 50 000	70(107%)
L 8028	1 : 25 000	43(22%)
L 905, L 808 & T 931	1 : 3 000 - 1 : 12 500	63(252%)

KEMAJUAN PANGKALAN DATA UKUR TOPOGRAFI DAN KARTOGRAFI
NATIONAL TOPOGRAPHY AND CARTOGRAPHY DATABASE PROGRESS

Siri/ <i>Series</i>	Skala/ <i>Scales</i>	Jumlah Lembar/ <i>Total of Sheet</i>
L 7030 & T 738	1 : 50 000	70(107%)
L 8028 & T 835	1 : 25 000	60(162%)
L 905, T 931 & L 808	1 : 3 000 - 1 : 12 500	56(115%)
Pulau Labuan	1 : 1 250	3(20%)

**KEMAJUAN PERCETAKAN PETA & PELBAGAI
KERJA BUKAN PETA**
**MAP PRINTING AND OTHER NON-MAP JOBS
PROGRESS**

Jenis/ <i>Type</i>	Kuantiti/ <i>Quantity</i>
Peta Topografi <i>Topography Map</i>	102 (113%)
Peta Tematik <i>Thematic Map</i>	16 (67%)
Pelbagai Kerja Bukan Peta <i>Miscellaneous</i>	219 (110%)


**KEMAJUAN PANGKALAN DATA PETA ASAS &
PELBAGAI KERJA BUKAN PETA**
**BASIC MAPPING DATABASE AND OTHER NON-
MAP JOBS PROGRESS**

Jenis/ <i>Type</i>	Kuantiti/ <i>Quantity</i>
Peta Tematik <i>Thematic Map</i>	16 (67%)
Penerbitan Peta Elektronik (eMap) <i>Production of Electronic Map (eMap)</i>	28 (187%)
Penyediaan Data <i>Data Production</i>	40 (114%)
Penerbitan Multimedia <i>Multimedia Publishing</i>	492 (103%)



KEMAJUAN KERJA - KERJA FOTOMEKANIK
PHOTO-MECHANICAL JOBS PROGRESS

Jenis/ <i>Type</i>	Keping/ <i>Copies</i>
DTP <i>DTP</i>	219 (110%)
Pruf & Plat <i>Proof & Plate</i>	2, 857 (143%)
Lekap <i>Contact</i>	110 (55%)
Kamera <i>Camera</i>	47 (24%)
Jilid (Naskah) <i>Binding</i>	81,663 (109%)



PERPUSTAKAAN PETA NEGARA

NATIONAL MAP LIBRARY

Perpustakaan Peta Negara menyediakan sumber rujukan dalam disiplin ukur dan pemetaan kepada pegawai dan kakitangan. Perpustakaan ini menyediakan bahan melalui koleksi buku dan jurnal teknikal disamping premis penyimpanan dan rujukan pelbagai bahan pemetaan terbitan dan keluaran JUPEM seperti peta, foto udara dan bahan cetak. Ianya juga membekalkan foto udara dalam bentuk cetak lekap, mozek dan diapositif kepada pelanggan khususnya Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kerajaan dan pihak swasta.

Selain itu, perpustakaan ini juga menyimpan pelbagai koleksi buku/peta panduan jalanraya terbitan agensi swasta di bawah aktiviti cetak semula peta, peta-peta rampaian dan tematik serta salinan-salinan peta yang diperolehi daripada agensi pemetaan luar negara melalui program pertukaran peta.

The National Map Library is a main source of reference for survey and mapping discipline to the staffs and officers. The library with its large collection of books and technical journals also safe keeping of various mapping publication including JUPEM products such as maps, aerial photographs and prints materials. It also supplies the aerial photograph in contact print, mosaic and diapositive to the client especially for the Military, Police, government department and private sectors.

In addition, the library with its large collection of books and highway guides publishes by private agency under the map reprinting activity, variety map, and thematic map as well as duplicate of maps acquired from the foreign mapping agency through its map exchange programmes.



STOR PUSAT PETA

CENTRAL MAP STORE

Stor Pusat Peta adalah premis yang mengendalikan penyimpanan peta terbitan JUPEM di mana peta-peta ini disimpan secara pukal sebelum diedarkan. Simpanan peta-peta ini adalah untuk pembekalan kepada pihak Angkatan Tentera Malaysia dan pasukan keselamatan khusus bagi kegunaan pertahanan dan keselamatan negara. Stor Pusat Peta juga mengedar dan memasarkan peta melalui Pejabat Jualan Peta Negara (PMJDGN) dan JUPEM Negeri. Sebagai pusat pemasaran, PMJDGN menyediakan perkhidmatan rujukan peta-peta kepada pelanggan yang berurusan secara terus di kaunter jualan PMJDGN bertempat di Tingkat Bawah, Bangunan Ukur, Jalan Semarak, 50578 Kuala Lumpur.

The Central Map Store is a premise that handles for the safekeeping of JUPEM's printed map stocks in block before distribution. The maps are essentially for use of the Malaysian military and security forces. In addition, the Central Map Store also distributes and markets maps through the National Map Sales Office (PMJDGN) and state JUPEM Offices. PMJDGN also provides direct map reference services at PMJDGN office based on the ground floor of the Survey Building in Jalan Semarak, 50578 Kuala Lumpur.

PUSAT MAKLUMAT DAN JUALAN DATA GEOSPATIAL NEGARA

NATIONAL GEOSPATIAL DATA INFORMATION AND SALES CENTRE

Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) mempunyai pelbagai peta dan produk-produk lain yang boleh dibeli oleh orang perseorangan atau organisasi. Di sini, produk-produk pemetaan dikategorikan dan pelanggan boleh melihat dan membeli contoh-contoh peta dari setiap kategori.

Semua peta yang tersenarai di sini boleh dibeli di Pejabat Jualan Peta berikut:

Department of Survey and Mapping Malaysia (JUPEM) has variety of maps and other products that could be purchased by individuals or by any organization. The mapping products are categorized and customers could see the samples of the maps from every categories as well to purchase them.

All the maps listed are available to buy at Map Sales Office.


Pusat Maklumat dan Jualan Data Geospasial Negara,
Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
Bangunan Ukur, Jalan Semarak
50578 Kuala Lumpur
Tel : (603)-26170809
Fax: (603)-26931076
Emel: mapline@jupem.gov.my



Semua peta juga boleh diperolehi dari:

Maps are also available from:

- * Jabatan Ukur dan Pemetaan di setiap Negeri di Semenanjung Malaysia;
- * Jabatan Ukur dan Pemetaan Sabah
Kota Kinabalu, Sabah ;
- * Jabatan Ukur dan Pemetaan Sarawak
Kuching, Sarawak ; dan
- * Jabatan Ukur dan Pemetaan Wilayah Persekutuan Labuan.



BAHAGIAN KADASTER

CADASTRAL DIVISION

Bahagian Kadaster berperanan dalam merancang dan memantau kerja-kerja pengukuran hak milik, melaksanakan pemodenan ukur kadaster dan mengawal selia kerja-kerja Juruukur Tanah Berlesen. Di samping itu, bahagian ini juga menggubal dasar dan menjalankan kajian perundangan yang bersesuaian serta menguatkuasakan pelaksanaannya.

Pemodenan keseluruhan ukur kadaster JUPEM ditingkatkan mengikut perkembangan ICT. Sistem-sistem yang telah dibangunkan di JUPEM terbukti menghasilkan peningkatan produktiviti. Di antara sistem ICT yang dimaksudkan adalah SAPD, SPDK, SAPD Upgrade, SPDK Upgrade dan STS, Field to Finish (F2F), PDUK dan sebagainya. Keberkesanan sistem ini juga bersekali dengan sistem ukur total yang dapat memenuhi kehendak Piagam Pelanggan JUPEM dalam meningkatkan aktiviti ukuran hak milik tanah secara keseluruhannya dengan lebih efisien.

Bagi tahun 2004, bahagian ini telah diluluskan sejumlah RM3,025,000.00 di bawah peruntukan belanja mengurus Dasar Sedia Ada. Daripada jumlah di atas, sebanyak RM1,516,700.00 (50%) telah pun dibelanjakan untuk menguruskan aktiviti ukuran kadaster bagi memastikan program-program kerja yang dilaksanakan oleh JUPEM Negeri dapat berjalan lancar. Aktiviti-aktiviti yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

The Cadastral Division's primary role is to plan and monitor land title survey works, research and review related policies and to implement a modernization cadastral survey and overseeing Licensed Land Surveyor jobs. Besides that, this division also formulate the policies to run the appropriate legislation study and to enforce the implementation.

The modernization of the entire JUPEM cadastral survey is increased along with the advancement of ICT. The developed systems in JUPEM has proved to increase the productivity. Among the meant ICT systems are SAPD, SPDK, SAPD Upgrade, SPDK Upgrade and STS, Field to Finish (F2F), DCDB and so on. The effectiveness of this system is along the total survey system that fulfill the JUPEM Clients Charter and to boost the land title survey activity with more efficient.

In the year 2004, this division has been approved an allocation of managing budget amounting RM3,025,000.00 under of Existing Policy. From the amount mentioned, RM1,516,700.00 (50%) has been used to manage and to organize the cadastral survey activity to ensure the work programs implemented by state JUPEM could be run smoothly. The activities are as follows:



- ◆ Penyelenggaraan peralatan Total Station yang sedang dalam penggunaan.
